



KEISTIMEWAAN... Pasir Salak banyak tempat menarik dan kaya sejarah.

Rumah Kutai Pasir Salak

Oleh ZULKOFI JAMALUDIN

PASIR Salak di Kampung Gajah, Perak, sering dikaitkan dengan aspek sejarah. Di situ lah berlakunya peristiwa penting dalam sejarah penentangan orang Melayu terhadap penjajah Inggeris yang menyaksikan pembunuhan Residen Inggeris Pertama di Perak, JWW Birch.

Namun, di sebalik aspek sejarah, Pasir Salak juga sesuai menjadi pusat pelancongan, khususnya yang gemar memancing dan berekreasi menyusuri sungai.

Itulah kelebihan Pasir Salak. Pelancong yang berkunjung ke situ bukan saja dapat melihat kesan sejarah, malah boleh bersantai di pinggir Sungai Perak sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Selain itu, Kompleks Sejarah Pasir Salak juga dikelilingi dusun buah-buahan, terutama durian.


Lanskap di kompleks itu sendiri yang dihiasi pelbagai bunga, termasuk bourganvilla berwarna-warni, cukup menarik. Kompleks itu mempunyai 20 chalet mengandungi 80 bilik dan menyediakan rekreasi air.

Bayaran masuk ke kompleks itu cuma RM4 bagi dewasa dan kanak-kanak (RM2).

Di kompleks itu, pengunjung berpeluang menyaksikan pelbagai bahan sejarah, kesenian dan kebudayaan Melayu yang ditempatkan di dua rumah kutai atau lama, yang diubah suai dengan suasana moden, tetapi ciri-ciri keasliannya tetap dikekalkan.

Di situ ada surat Perjanjian Pangkor yang asal dan surat bertulisan Jawi daripada Raja Perak kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dan Birch

PAMERAN... pelbagai jenis senjata pahlawan silam, seperti keris, pedang, tombak dan perisai.



yang dibunuh Datuk Maharajalela. Bahan lain termasuk senjata lama dan peralatan yang digunakan masyarakat dulu untuk menjalankan kegiatan ekonomi. Semua bahan sejarah itu dipamerkan mengikut masa bermula sejak Perak mula diteroka, penubuhan kerajaan Melaka, kedatangan penjajah Inggeris, Jepun dan perjuangan mencapai kemerdekaan. Pembinaan kompleks itu yang membabitkan perbelanjaan RM10 juta, adalah antara usaha kerajaan negeri menghargai perjuangan pahlawan Melayu, terutama untuk ditanggapi generasi muda. Sehingga kini, 400 artifak purba



terutama yang berkaitan Perang Perak di Pasir Salak pada 1875, dikumpul dan dipamerkan di kompleks itu. Di rumah kutai itu juga ada pameran pelbagai jenis senjata pahlawan silam, seperti keris, pedang, tombak dan perisai yang digunakan untuk mempertahankan diri pada zaman dahulu.

Dewan pameran berhampiran pusat cenderahati pula mengumpul pelbagai artifak yang ditemui ketika operasi cari gali di padang Sekolah Kebangsaan Tok Pelita, Pasir Salak, tidak lama dulu. Kebanyakan artifak itu ialah pinggan mangkuk China, Belanda dan Belgium, selain tembikar tempatan. Penduduk dari Lembah Klang yang ingin berkunjung ke kompleks itu boleh menggunakan Lebu Raya Utara-Selatan dan melalui Tapah atau Bidor. Orang ramai juga boleh menyusuri Sungai Perak dari Kuala Kangsar untuk ke kompleks itu dengan menggunakan bot atau jet ski.



MASIH TEGUH... tugu peringatan JWW Birch.